KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
Secretary General
Ministry of Health, Malaysia

Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
MALAYSIA

Telefon : 03-8883 2539
Web : www.moh.gov.my
Emel : pejabatksu@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.100-1/6/9 Jld. 7 (20)
Tarikh : 12 Disember 2025

TERIMA
17 DEC 2025

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

ARAHAN PENTADBIRAN PENGURUSAN PEROLEHAN BILANGAN 2 TAHUN 2025

- *PENETAPAN SPESIFIKASI MANDATORI BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN*

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti mana YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan sedia maklum, Pekeliling Perbendaharaan/ Perolehan Kerajaan (PP/PK) 2.1, perkara 4.1 - Perihal Umum menetapkan bahawa spesifikasi merupakan aspek penting dalam melaksanakan perolehan sebagai panduan kepada pembida untuk menawarkan bekalan dan perkhidmatan yang tepat mengikut kehendak agensi.

3. Berdasarkan pemerhatian Lembaga Perolehan Kementerian Kesihatan Malaysia (LPKKM), didapati terdapat tender yang mempunyai kesilapan dalam penyediaan spesifikasi khususnya penetapan pemarkahan penilaian bagi Spesifikasi Mandatori dan Spesifikasi Am. Hal ini telah menyebabkan LPKKM memperuntukkan sebahagian masa semasa mesyuarat bagi meneliti semula penilaian yang telah dilaksanakan untuk memastikan petender yang layak sahaja dipertimbangkan. Kesilapan penyediaan spesifikasi ini juga telah menyebabkan tender terpaksa dibatalkan dan penilaian semula dilaksanakan.

4. Keadaan ini mengakibatkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) berhadapan dengan isu kelewatan bekalan/ perkhidmatan yang adakalanya melangkau tahun dan seterusnya prestasi perbelanjaan tahun semasa menjadi rendah dan menjejaskan operasi di fasiliti kesihatan.

5. Sehubungan itu, bagi memastikan penilaian tender dan sebut harga dilaksanakan dengan lebih telus dan teratur, **Kementerian ini telah menetapkan** perkara-perkara berikut:

5.1. Penentuan bagi **Spesifikasi Mandatori** atau **Spesifikasi Am adalah kritikal** dan peruntukan bagi kedua-dua spesifikasi tersebut hendaklah **dinyatakan secara jelas** dalam dokumen tender;

5.2. Spesifikasi Mandatori bagi penilaian teknikal hendaklah ditetapkan dalam sistem ePerolehan seperti berikut:

SPESIFIKASI

Klik "Ikon pensil" untuk penetapan skor.

1. Spesifikasi Mandatori - ORACLE 19c Oracle

Petender mestilah merupakan authorized representative oleh prinsipal Perisian yang terlibat. Letter of Autorization (LOA) yang sah daripada prinsipal WAJIB dikemukakan dalam APPENDIKS 6.

Nota: Perkataan **WAJIB/ MANDATORI** hendaklah dinyatakan secara jelas dalam ruang penerangan kepada petender.

5.3. Skema pemarkahan penilaian teknikal dan penetapan skor bagi semua **Spesifikasi Mandatori** hendaklah ditetapkan seperti contoh berikut:

Penetapan Skor

Spesifikasi Petender mestilah merupakan authorized representative oleh prinsipal Perisian yang terlibat. Letter of Autorization (LOA) yang sah daripada prinsipal WAJIB dikemukakan dalam APPENDIKS 6

Jenis Skema Maklumbalas Ya/Tidak (1)

Jenis Skor Pengguna (2)

Skor Maksima 1 (3)

Nota:
1. Jenis Skema Maklum balas: Ya/ Tidak
2. Jenis Skor: Pengguna (*user scoring*)
3. Skor Maksima: 1 (berdasarkan kesesuaian)

Bil.	Spesifikasi Mandatori	Markah
1.	Mematuhi Spesifikasi (Ya)	1
2.	Tidak Mematuhi Spesifikasi (Tidak)	0

Nota: markah boleh ditetapkan berdasarkan kesesuaian

5.4. **Kegagalan dalam <u>mana-mana item Spesifikasi Mandatori</u> hendaklah dijadikan asas penetapan supaya Spesifikasi Am tidak dinilai (diberikan markah 0) dan petender gagal dalam peringkat penilaian teknikal**;

5.5. Jawatankuasa Spesifikasi hendaklah menetapkan markah lulus yang munasabah bagi penilaian teknikal (skor teknikal) bagi melayakkan tawaran pembekal dibawa ke penilaian kewangan;

5.6. Jawatankuasa Teknikal hendaklah melaksanakan penilaian berdasarkan spesifikasi yang ditetapkan sahaja. Sekiranya terdapat tawaran tambahan oleh petender, sila nyatakan perkara tersebut dalam ulasan; dan

5.7. Urus setia perolehan **hendaklah** memastikan bahawa perkara-perkara seperti berikut diambil kira semasa menyediakan dokumen spesifikasi:

(i) Spesifikasi berdasarkan kepada teknologi terkini;

(ii) Dapat menentukan ketepatan produk atau perkhidmatan;

(iii) Dapat menentukan keperluan-keperluan boleh dinilai;

(iv) Memastikan keperluan jelas kepada pengguna dan pembekal;

(v) Keupayaan peralatan beroperasi dengan peralatan lain;

(vi) Memastikan tidak ada percanggahan keperluan; dan

(vii) Memastikan adanya cirian fungsi dan *performance*

6. Arahan pentadbiran ini adalah **berkuat kuasa serta merta**. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan adalah dimohon untuk memanjangkan perkara ini kepada setiap PTJ di bawah seliaan masing-masing dan juga memastikan semua PTJ sentiasa mematuhi tatacara perolehan semasa yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' SRI SURIANI BINTI DATO' AHMAD)
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.:

TKSU (P)

TKSU (K)

SUB (P&P)

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN			
	TKPK (K&KM) CATATAN:	Peg. Khas Pengurusan PA	✓
✓	PDPSSC CATATAN:	TP (P&P) TP (S&C) TP (S) TP (M) Ketua (K&K) ARAC PA	
✓	PPPI CATATAN:	TP (PD) TP (ID) TP (PMA) TP (E) TP (I) PA	
✓	PNCFS CATATAN:		
	MJMM CATATAN:		
Catatan: Sila pastikan perkhidmatan Anda perhatian ini			
Tarikh:			

22/8/24

LAMPIRAN

SENARAI EDARAN

1. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

2. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

3. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

4. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Pergigian)

5. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)

6. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)

7. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Khidmat Pengurusan

8. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Sumber Manusia

9. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Kewangan

10. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Pengurusan Latihan

11. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Pengurusan Maklumat

12. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Pembangunan Kompetensi

13. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Akaun

14. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa

15. Setiausaha Bahagian Kanan
    Bahagian Pembangunan

16. Pengarah
Bahagian Perancangan

17. Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan

18. Pengarah
Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (T/CM)

19. Pengarah
Bahagian Kejururawatan

20. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

21. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

22. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

23. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak.

24. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

25. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

26. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

27. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

28. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

29. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

30. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

31. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

32. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

33. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

34. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

35. Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

36. Pengarah
Pusat Darah Negara

37. Pengarah
Institut Kanser Negara

38. Pengarah
Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)

39. Pengarah
Institut Perubatan Respiratori

40. Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan

41. Pengurus
Institut Kesihatan Negara